

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

- (a) nilai dan peratus pemilikan ekuiti berserta kawalan pengurusan ke atas syarikat-syarikat mengikut kaum dan warga asing pada tahun 2000, 2009 dan 2014; dan
- (b) rancangan dan tindakan untuk menambah pemilikan ekuiti berserta kawalan Bumiputera pada 30% pada tahun 2020 dan rancangan serta tindakan untuk memastikan Bumiputera turut mempunyai stake dan kawalan yang besar dari segi dana, aset, pekerjaan dan rangkaian penawaran/nilai.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perluasan sasaran pemilikan ekuiti berserta kawalan pengurusan ke atas syarikat akan mula diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pada masa ini, maklumat kawalan pengurusan, termasuk pemilikan ekuiti terkini iaitu tahun 2014, masih dalam proses pengiraan dan penganalisaan data. Nilai dan peratus pemilikan ekuiti mengikut etnik pada tahun 2000, 2009 dan yang terkini dalam rekod iaitu 2011, adalah seperti berikut:

Etnik	Tahun 2000		Tahun 2009		Tahun 2011	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bumiputera	62.98	18.9	142.05	22.2	211.5	23.5
Cina	129.32	38.9	210.94	33.0	290.3	32.2
India	5.14	1.5	12.10	1.9	21.3	2.4
Lain-lain	2.96	0.9	2.04	0.3	2.8	0.3
Asing	103.91	31.3	252.41	39.4	335.2	37.2
Nomini	28.12	8.5	20.48	3.2	41.0	4.5
JUMLAH	332.42	100	640.02	100	902.1	100

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(b) Dalam RMKe-11, rancangan dan tindakan yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti berserta penguasaan efektif Bumiputera untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pada tahun 2020 adalah:

- (i) memperluas strategi pelaburan melalui program pengukuhan ekuiti korporat oleh Ekuiti Nasional Berhad, program Skim Jejak Jaya Bumiputera, program *The Baron* dan mempelbagaikan portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB);
- (ii) meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) kepada usahawan Bumiputera. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penyediaan bimbingan dan latihan bersasar secara berterusan kepada Bumiputera dan akan dibantu oleh institusi kewangan dari segi kecairan aset; dan
- (iii) memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan melalui pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB2. Dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian juga akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan.

Di samping itu, usaha untuk memperkukuh peluang komuniti ekonomi Bumiputera dalam aspek penyediaan bantuan kewangan, pemilikan aset, pekerjaan berpendapatan tinggi dan penguasaan dalam rantaian nilai akan dilaksanakan di bawah strategi berikut:

- (i) Memperkasa modal insan Bumiputera;
- (ii) Memperluas syer pemilikan kekayaan Bumiputera;
- (iii) Memperkasa komuniti ekonomi Bumiputera; dan
- (iv) Memperkukuh keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.